

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semasa Cuti Panjang**

**Sidang Akademik 1997/98**

**April 1998**

**HMT 302 Sintaksis Bahasa Malaysia**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Menurut Tatabahasa Dewan: Edisi Baru (1993) Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu ada 4. Nyatakan keempat-empat pola ini dan kemukakan 10 contoh ayat setiap satu pola.
2. Sila kemukakan takrifan Kata Kerja Transitif dan Kata Kerja Tak Transitif. Berikan masing-masing 5 contoh ayat dan sebutkan apakah perbezaan yang nyata di antara struktur ayat yang menggunakan Kata Kerja Transitif dengan struktur ayat yang menggunakan Kata Kerja Tak Transitif.
3. Apakah yang dimaksud dengan Ayat Dasar dan Ayat Terbitan? Dengan 5 contoh Ayat Dasar yang anda reka sendiri, cuba kembangkan 5 Ayat Terbitan sesuai dengan pernyataan yang telah anda kemukakan terdahulu.
4. Berdasarkan ayat yang anda bina sendiri, sila tunjukkan Rajah Binaan Ayat Nafi Asal dan kembangkan satu Ayat Nafi Asal tersebut menjadi 5 Ayat Nafi Ubahan (boleh pelenyapan, pemindahan atau kedua-duanya sekali).
5. Kemukakan Rajah Binaan Ayat Majmuk (Berlapis) bagi setiap ayat yang berikut ini:
  - [a] Pemuda itu pergi ke Komtar dan ke Imigresyen.
  - [b] Mereka mengatakan bahawa pensyarah itu rajin.
  - [c] Gadis yang gemuk itu memakai baju kurung.